

PERUTUSAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS AMANAT TAHUNAN NAIB CANSELOR 2009

PADA HARI ISNIN, 2 FEBRUARI 2009, 11.00 PAGI
DI KOMPLEKS SUKAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

***“ENGINEERING, TECHNOLOGY, CREATIVITY:
MEMAKNAKANNYA KEPADA SEBUAH UNIVERSITI
BERFOKUS”***

SALUTASI

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis, Cik Noor Izah Zakaria;
Profesor Dr. Sabarudin bin Mohd, Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa);
Profesor Dr. Rosli bin Mohd. Yunus, Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi);
Haji Mustafa bin Ibrahim, Pendaftar;
Encik Zainudin bin Othman, Bendahari;
Haji Ruslan bin Che Pee, Ketua Pustakawan;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah

dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Saudara Mohd. Sufi bin Kamari,

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar;

Warga kerja dan pelajar Universiti Malaysia Pahang yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullah dan Selamat Sejahtera.

KATA PEMBUKA

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Taala kerana dengan keizinan-Nya dapat buat pertama kali saya menyampaikan perutusan tahun baharu 2009 kepada tuan-tuan dan puan-puan khususnya warga UMP sekalian.

Dengan limpah keizinan-Nya juga dapat kita bersama-sama pagi ini cuba memikirkan corak dan perwatakan universiti yang kita cintai ini. Sekali gus saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian pada pagi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Dalam usaha untuk mencorak UMP serta mengemudinya ke arah yang membawa kegemilangan di hari muka, Pelan Strategik 2008-2010 diukir demi membina keupayaan asas dan menjana kecermelangan. Faktor kunci kejayaan telah dikenalpasti untuk menjadi sasaran usaha kita. Pelaksanaan pelan strategi atau *executionnya* memerlukan disiplin yang khusus untuk menentukan pelan strategi bukan sekadar impian malah satu komitmen yang jelas. Dalam hal ini semenjak beberapa bulan yang lalu saya mengajak warga UMP supaya bertindak secara:

1. *Values Based, Strategy Focused* dan *Performance Driven* (Berteraskan Nilai, Memfokus kepada Strategi dan Berpandukan Prestasi);
2. Mengamalkan dan memberi komitmen kepada “A Culture of Excellence”;
3. Pendekatan yang memaparkan “Substance Over Form” (Pengisian Mengatasi Bentuk);

4. Berpandukan keutamaan di dalam agenda untuk menjana kecemerlangan.

Seterusnya, saya mengajak para pentadbir UMP sama-sama mentransformasi pendekatan pengurusan dan pentadbiran universiti, demi memudah, menyokong, melicin dan membantu dalam segala urusan-urusan universiti. Insya-Allah, usaha transformasi yang kita semua lakukan dengan jujur dan berkomitmen akan dapat mengikis segala kekangan pentadbiran supaya segala perkara dan tugas pokok dapat dilakukan dengan pantas dan berkesan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pantasnya masa berubah dan derasnya peredaran zaman telah membawa kita ke tahun baharu 2009. Masih belum terlewat bagi saya untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2009 dan Selamat Tahun Baharu Hijrah 1430 kepada warga UMP sekali lagi.

Seperti permulaan tahun-tahun baru yang terdahulu, tahun 2009 juga mengundang resolusi tahun baru ramai dari kalangan kita. Resolusi tahun baru sebenarnya adalah tekad tahun baru yang mana seseorang itu berazam untuk melakukan atau meninggalkan sesuatu perkara. Lazimnya resolusi yang diazamkan itu adalah sesuatu usaha untuk membawa kebaikan atau usaha untuk meninggalkan keburukan. Dengan perkataan lain, ia melibatkan satu anjakan atau shift. Shift pula boleh membawa maksud berpindah. Pindah pula boleh dikaitkan dengan hijrah. Kebetulan tahun masihi 2009 tiba berhampiran dengan tahun hijrah 1430.

TAHUN BAHARU DAN HIJRAH

Keistimewaan keadaan ini baik sekali kita memperingatinya dalam konteks hijrah. Apa juga kita gunakan (1430 atau 2009), kita telah melangkah satu tahun lagi. Ramai daripada kita, termasuk diri saya sendiri, dalam satu tahun yang lepas telah berhijrah dari berbagai tempat ke Kuantan. Hijrah yang dimaksudkan itu adalah perpindahan fizikal. Namun begitu

telah banyak diperkatakan di dalam hampir setiap ceramah tentang hijrah, bahawa fenomena ini melewati perpindahan fizikal. Penceramah-penceramah semasa sering mengaitkan hijrah dengan perubahan – berubah dari takuk lama kepada yang baharu. Ada juga penceramah yang menginterpretasi hijrah dari segi pemikiran, yakni perubahan dalam cara kita berfikir. Dalam konteks ini saya ingin mengajak warga UMP untuk berhijrah minda. Malah ungkapan *paradigm shift* atau anjakan paradigma bukannya satu yang baharu. “Shift” boleh juga membawa maksud berpindah. Maka kita bertekad untuk berhijrah dari budaya kerja biasa kepada budaya kerja cemerlang. Perpindahan ini akan kita lakukan secepat mungkin dan seluas mungkin. Kita akan mengurus universiti ini dengan pendekatan yang membantu dan menyokong pelan strategi yang telah kita sepakati. Kita akan mengurus dan mentadbir universiti ini dengan pendekatan yang mudah dan memudahcara. Kita akan amalkan *let the managers manage*. Dengan lain perkataan kita akan mentransformasi pengurusan

dan pentadbiran universiti seperti yang telah kita usahakan kaedahnya baru-baru ini.

Litereature pengurusan sememangnya telah menyebut akan cabaran perubahan. Transformasi adalah satu perubahan. Saya sendiri sememang menduga ada cabaran untuk mentransformasi pengurusan dan pentadbiran. Setiap perubahan ada *resistence*. Manusia sememang kurang selesa dengan perubahan. Perubahan akan membawa persepsi yang tidak menentu. Perubahan akan menimbulkan seolah oleh kita akan kehilangan kuasa. Perubahan menimbulkan persepsi yang kita tidak lagi relevan. Ingatlah, relevannya kita dalam ekonomi berteraskan pengetahuan ialah sama ada kita menambah nilai kepada stakeholder atau pemegang taruh kita. *Legitimate power*, atau kuasa yang datang melalui jawatan sahaja tidak menjamin kewibawaan. Percayalah, membangunkan organisasi terutamanya dengan memperkasakan (empower) pengurus dan pentadbir di peringkat-peringkat yang berkenaan melalui keterbukaan tidak

sekali-kali menghakis kewibawaan seseorang ketua. Malah ia akan melepaskan seseorang ketua itu dari beban remeh temeh yang tidak mencabar minda seseorang pegawai yang berkaliber tinggi. Banyak, malah terlalu banyak, perkara besar yang perlu diberi perhatian.

UNIVERSITI DAN UNIVERSITI BERFOKUS

Dari segi klasifikasi, UMP telah dimasukkan ke dalam kategori Universiti Berfokus. Pengertiannya ialah kita akan menumpukan kepada bidang kejuruteraan dan teknikal. Maka tidak boleh tidak misi kita semestinya berkisar sebuah universiti teknikal.

Apabila kita bercakap tentang fokus, ia perlu diterjemahkan dengan apa yang sering disebut sebagai perkara-perkara utama atau *First Things*. Apabila perkara-perkara utama itu jelas mudahlah bagi kita mengemudi universiti.

Sementara itu pada saya, pemahaman terhadap pembahasan isu ini amat bergantung kepada pemahaman kita terhadap persoalan pokok: WHAT IS A UNIVERSITY? Dalam bukunya *What Is a University?*, Peter Milward menyatakan:

The idea of 'university reform' is very much in the air. But before we speak about 'reform' for universities, it is surely necessary to go back to the ideal meaning of a 'university'. This is something we have come to take for granted in the modern world. We all think we know what a university is, or what it should be, especially those of us who went to a university in our formative years. But what, I ask; do we really know about either the reality or the ideal of a university?"

Mengupas persoalan apakah itu universiti, John Henry Newman menulis tentang *The Idea of a University*:

"If I were asked to describe as briefly and popularly as I could, what a University was, I should draw my answer from its ancient designation of a Studium Generale, or "School of

Universal Learning.” This description implies the assemblage of strangers from all parts in one spot;—from all parts; else, how will you find professors and students for every department of knowledge? and in one spot; else, how can there be any school at all? Accordingly, in its simple and rudimental form, it is a school of knowledge of every kind, consisting of teachers and learners from every quarter. Many things are requisite to complete and satisfy the idea embodied in this description; but such as this a University seems to be in its essence, a place for the communication and circulation of thought, by means of personal intercourse, through a wide extent of country.”

Sebagai sebuah “*school of universal learning*” atau sekolah pengajian sejagat, maka ketertinggian ilmu atau “supremacy of knowledge”, keunggulan akal budi serta kesejagatan pemikiran dan pendidikan atau “universality of thoughts and education” adalah nilai-nilai yang membayangi kewujudan dan survival sesebuah universiti. Saya percaya, nilai-nilai sejagat ini amat

disedari oleh generasi awal yang membangunkan Universiti ini pada tujuh tahun yang lalu. Lihat sahaja falsafah Universiti kita seperti berikut:

“Ilmu adalah amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi untuk dimanfaatkan. Penekanan terhadap ilmu gunaan dan aplikasinya yang dimiliki oleh peribadi contoh berupaya melahirkan insan yang akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.”

Definisi sebuah universiti sebagaimana yang dikemukakan oleh John Henry Newman sebentar tadi tidak seharusnya dilihat dari kaca mata yang sempit serta terbatas. Walaupun UMP adalah sebuah Universiti berfokus yang mengkhusus dalam bidang-bidang Kejuruteraan dan teknikal, namun ia masih berupaya menjadi *“a school of knowledge of every kind, consisting of teachers and learners from every quarter.”* Secara spesifiknya, *“a university is all about universality”* dan dalam konteks UMP

sebagai sebuah sebuah Universiti berfokus, “universality” di sini ialah “*universality in our focused areas.*”

Justeru, menerajui pembangunan minda, modal insan, budaya dan kecemerlangan adalah cabaran utama yang perlu didepani oleh Universiti bagi me’universal’kan kewujudannya. Pendidikan dan universiti wujud secara seiring dalam jajaran yang sama. Seorang penulis pernah menyatakan:

Education should consist of a series of enchantments, each raising the individual to a higher level of awareness, understanding, and kinship with all living things.

TIGA PERKATAAN SLOGAN

Slogan “Engineering, Technology, Creativity” cukup untuk menggambarkan kekhususan Universiti ini dalam bidang-bidang yang telah ditentukan oleh Kerajaan Malaysia. Bidang kejuruteraan berkembang oleh sebab kemajuan teknologi; dan

kemajuan teknologi pula dipacu oleh kesuburan kreativiti manusia. Bagaimanakah elemen-elemen ini dapat dimaknakan kepada Universiti ini? Apakah penawaran kursus-kursus yang berorientasikan kejuruteraan dan teknologi cukup untuk memaknakan Universiti ini sebagai sebuah Universiti berfokus? Apakah falsafah di sebalik slogan "*Engineering, Technology, Creativity*" yang perlu dibedah bagi menghidupkan jiwa slogan tersebut?

Tuan-tuan dan puan-puan,

Tiga perkataan tersebut itu mungkin mendasari Universiti Malaysia Pahang. Mungkin juga ia cuba mempamerkan penekanan UMP sebagai sebuah institusi berfokus. Mungkin juga ia menterjemahkan aspirasi kita. Mungkin juga ia sebagai mesej kepada pihak ramai yang itulah UMP segala-galanya. Walau apapun, ia boleh menimbulkan pertanyaan kepada pihak ramai apa dia yang kita cuba sampaikan dan tonjolkan kepada warga UMP dan dunia. Tiada pula satu mukadimah

atau penjelsasan tentang peranan tiga perkataan: *Engineering, Technology, Creativity*.

Pada hari ini saya akan berusaha untuk menziarahi semula perkataan tersebut semampu saya supaya kita sama-sama dapat memaknakan tiga perkataan tersebut. Dengan perkataan lain, buat masa ini saya menerima logo dan tiga perkataan tersebut dan seterusnya cuba menghidupkannya dalam konteks Universiti Malaysia Pahang. Kalau kita boleh bersepakat dengan Pelan Strategi UMP 2008-2010 semestinya tiga perkataan yang kita papar dapat kita maknakan supaya ia dapat sama-sama kita hayati.

ENGINEERING

Engineering adalah disiplin dan profesion yang mengaplikasikan ilmu dan pengetahuan saintifik dan teknikal serta menggunakan hukum semulajadi dan sumber fizikal untuk merekabentuk bahan, struktur, mesin, peralatan

(devices), sistem dan proses yang dapat merealisasi objektif yang dikehendaki secara selamat dan memenuhi criteria tertentu.

The American Engineers' Council for Professional Development telah mendefinisi engineering sebagai:

“The creative application of scientific principles to design or develop structures, machine, apparatus, or manufacturing process, or works utilizing them singly or in combination; or to construct or operate the same with full cognizance of their design; or to forecast their behaviour under specific operating conditions; all as respects an intended function, economics of operation and safety to life and property.”

Perkataan *engineering* datangnya dari *engineer*, satu istilah yang digunakan sejak tahun 1325 sebagai seorang yang mengendalikan engine (yang pada satu masa dulu enjin adalah merujuk kepada enjin militari). Perkataan *engine* itu pula mempunyai asal usul yang lebih lama dan boleh dijejak kepada

perkataan Latin *ingenium* yang membawa maksud berkualiti dalaman yang tinggi khususnya dari segi kuasa mental, justeru engine dianggap sebagai satu rekaan yang amat pandai dan pintar.

Dunia, sepanjang zaman sehingga hari, ini telah menyaksikan hasil kejuruteraan yang menakjubkan. Lihat sahaja Acropolis dan Parthenon di Greece; aqueducts, Via Appia dan Colosseum orang Roman, the Hanging Gardens of Babylon, Pharos di Alexandria, Pyramid di Mesir dan Tembok Besar di Negara China. Malah pembinaan reka bentuk dan pembinaan awam seperti jambatan dan bangunan perlahan-lahan telah menjadi disiplin teknikal justeru memberikan bidang kejuruteraan ini sebagai kejuruteraan awam kerana sebelum itu penggunaan engine itu lebih merujuk kepada pembinaan-pembinaan peralatan militari.

Bertahun-tahun kemudian datang pula al-Jazari, seorang berbangsa Iraq, yang telah mempengaruhi kejuruteraan melalui

rekaan-rekaan seperti mesin mengepam air dan tidak kurang 50 peralatan mekanikal yang terus memberi impak kepada dunia kejuretaraan mekanikal. Dalam tahun 1698 enjin stim pertama telah dibina oleh Thomas Savery lalu mencetus revolusi industri dan pengeluaran massa.

Bidang kejuruteraan elektrik pula dapat dikesan dari zaman William Gilbert melalui penerbitan *De Magnete* pada kurun 15. Bertahun-tahun kemudian bidang ilmu ini dikembangkan lagi dengan eksperimen oleh Alessandro Volta, Michael Faraday, Georg Ohm dan lain-lain. Sementara itu, hasil usaha James Mawxwell dan Heinrich Hertz di akhir kurun 19 telah membangunkan bidang elektronik.

Revolusi industri dalam kurun sembilan belas menuntut keperluan dan permintaan bahan-bahan baru dan proses-proses baru. Sehingga 1880 keperluan pengeluaran bahan-bahan kimia pada skala besar telah melahirkan industri kimia.

Keperluan ini telah mencetus peranan jurutera kimia untuk mereka bentuk loji dan proses kimia.

Hakikatnya ialah kejuruteraan adalah satu disiplin yang luas dan sentiasa beredar. Tuntutan masa dan perkembangan teknologi, telah memperlihatkan bidang-bidang baru seperti kejuruteraan aero-angkasa, kejuruteraan komputer, kejuruteraan perisian, *nano-technology*, kejuruteraan molekular dan mekatronik semakin mendapat keutamaan. Bidang-bidang baru ini rata-rata terhasil dari bidang-bidang tradisional.

Jurutera menggunakan pengetahuan mereka dalam bidang sains dan matematik serta pengalaman untuk mencari penyelesaian kepada masalah. Kerap kali pelbagai penyelesaian yang munasabah wujud, maka jurutera harus menilai pelbagai pilihan rekabentuk berasaskan merit, justeru memilih penyelesaian yang terbaik yang dapat memenuhi keperluan mereka. Tidak dapat dinafikan jurutera sebagai ahli professional mengambil secara serius tanggungjawab mereka

untuk menjana rekabentuk yang mampu memenuhi apa yang dikehendaki, dan tidak akan menyebabkan kebinasan kepada pihak awam. Tidak hairanlah sekiranya setiap produk atau pembinaan yang digunakan oleh masyarakat moden akan sentiasa dipengaruhi oleh rekabentuk kejuruteraan. Rekabentuk kejuruteraan adalah alat yang amat membawa impak untuk melakukan perubahan kepada persekitaran, masyarakat dan ekonomi, dan penggunaanya membawa bersama tanggungjawab yang berat, seperti yang dibuktikan melalui kod etika kebanyakan institusi-institusi kejuruteraan.

Engineering agak berbeza dengan sains. Saintis cuba memahami alam semulajadi. Jurutera cuba membuat benda-benda yang tidak ada dalam alam semula jadi. Jurutera menekankan rekaan. Untuk membuahkan satu rekaan jurutera mesti meletakkan ide mereka kepada terma-terma yang konkrit, dan merekabentuk satu-satu yang dapat dimanfaatkan manusia.

Sebagai sebuah universiti berfokus kepada bidang teknikal, khususnya kejuruteraan, kita terpanggil untuk menghayati dan memaknakan misi dan tanggungjawab kita. Dengan kesedaran ini jugalah saya percaya perkataan *engineering* digunakan bersama logo UMP. Mesej yang mahu disampaikan semestinya bahawa kita mampu dan akan merekabentuk universiti ini dari aspek apa pun demi membawa kebaikan kepada warganya, khususnya pelajar, juga kepada bangsa dan negara.

Dalam konteks kejuruteraan ini, UMP harus bersedia untuk merekayasa dirinya, atau *reinvent itself*. Sebagai institusi kejuruteraan, mencipta dan merekabentuk (*invent and design*) tidak sepatutnya satu perkara yang ganjil dan asing. Menggunakan metodologi kejuruteraan dan pengetahuan bidang-bidang masing-masing, *social engineering*, *political engineering* dan *financial engineering* adalah antara yang pernah pihak-pihak berkenaan melakukan inisiatif mereka.

Perkataan pada logo UMP juga memaparkan keberanian warganya untuk menghayati disiplin dan metodolgi engineering untuk melawan arus - arus tidak berkompeten, arus tidak berkeberkesanan, arus ketidakceapan, arus pertindihan, arus *rigid*, dan proses yang ditengalami dengan birokrasi dan kelembapan.

Beberapa tahun dahulu konsep dan amalan *reengineering* telah dipelupuri oleh Michael Hammer dan James Champy. Reengineering menjurus kepada merekabentuk semula secara radikal proses-proses di dalam organisasi. *Reengineering* bukan sekadar memperbetul dan menambah baik secara sedikit di sisini dan sedikit di sana (*piecemeal*), mengikut fungsi semata-mata. Ia memerlukan rombakan yang radikal seolah-olah bermula dengan satu kertas putih bersih (*a clean slate of paper*). Ia melibatkan mengenal pasti dan seterusnya menghapuskan aktiviti yang tidak membawa kepada penambahan nilai. Ini memerlukan kita menfokus kepada isu

sebenarnya, isu yang memberi impak kepada nilai pelanggan atau pemegang taruh kita.

Syarikat-syarikat yang pernah menggunakan proses reengineering adalah mereka yang mahu memperbaharui persaingan mereka yang kebanyakannya telah hilang kemampuan bersaing akibat kemasukan ke pasaran persaingan dari luar, kerana gagal memuaskan kehendak pelanggan serta struktur kos dan pembiayaan yang membebankan.

Dalam konteks Malaysia pula, era pra-kemerdekaan menyaksikan pengenalan kaum berdasarkan aktiviti ekonomi akibat pelaksanaan dasar pecah dan perintah oleh pemerintah British. Masyarakat Melayu berada di kawasan luar bandar, mencari rezeki sebagai petani, pekebun kecil dan nelayan. Masyarakat India pula kebanyakannya berada di ladang-ladang sebagai buruh, manakala masyarakat Cina pula berada di

bandar-bandar, menjadi pedagang dan peniaga atau bekerja di lombong-lombong bijih timah.

Segregasi kaum yang berlaku pada zaman kolonial ini memberikan impak besar terhadap jalinan perpaduan masyarakat multi-etnik di negara ini. Ia juga menjadi cabaran besar kepada para pejuang kemerdekaan untuk meyakinkan pemerintah British bahawa kaum-kaum ini mampu bersatu-padu sekiranya Malaya diberikan kemerdekaan.

Saya percaya, proses *re-engineering* struktur masyarakat multi-etnik di negara ini berevolusi secara perlahan-lahan dan perlu ditangani secara berhati-hati sehingga hari ini.

Justeru, dalam semangat 'engineering' warga UMP berupaya menjadi katalis perpaduan dan integrasi kaum yang boleh diteladani sebagai model, sekurang-kurangnya oleh rakan-

rakan universiti yang lain. Untuk itu, cabaran utama bagi kita kini ialah untuk melaksanakan *re-engineering* suasana atau *ambiance* Universiti ini supaya kondusif, mesra pelajar dan menarik bagi memberikan *the best campus experience* kepada para pelajar Universiti ini.

Menjadi model kepada rakan-rakan universiti yang lain bermakna kita berupaya menampilkan suasana terbaik kepada para pelajar Universiti ini yang meransang perpaduan kaum, menggalakkan para pelajar berkreativiti dan berinovasi, menghargai kewujudan pelajar sebagai komponen utama Universiti ini, menekuni permasalahan semasa dan memahami ekspektasi para pelajar terhadap warga kerja Universiti ini dan membuang sikap prejudis sesama kita.

We've got a long way to go. Jangan kita sangat senang dan *complacent* dengan status quo dan rasa tergugat untuk mencabar status quo kerana risau akan kehilangan populariti

atau terjejas kepentingan peribadi; apatah lagi apabila inisiatif Agenda Transformasi Pengurusan & Pentadbiran Universiti Malaysia Pahang diperkenalkan.

Justeru, perjalanan UMP ke arah kecemerlangan menuntut warga Universiti ini bergerak dalam kerangka pemikiran dan tindakan yang proaktif dan progresif, sejajar dengan perubahan dan pindaan yang telah dibuat pada Akta Universiti & Kolej Universiti 1971 atau AUKU yang mula berkuatkuasa pada 1 Februari 2009.

Warga kerja dan pelajar UMP perlulah bersedia untuk menghadapi proses *re-engineering* ini. Sama ada kita berkhidmat atau belajar di Universiti ini, corak pemikiran dan tindakan kita perlu mencerminkan nilai intelek, keterbukaan, kesederhanaan dan rasional warga sebuah menara gading. Proses *re-engineering* juga menuntut kita melihat visi, misi, falsafah dan nilai-nilai teras Universiti ini daripada sudut

pandang yang lebih holistik dan luas; bukannya atas tafsiran sempit yang dipaksakan sebagai suatu nilai yang tidak menggambarkan hasrat dan semangat sebenar penubuhan Universiti ini.

Petikan daripada *Essays* karangan Sir Francis Bacon berikut amat relevan untuk direnungi:

“Studies serve for delight, for ornament, and for ability. Their chief use for delight is in privateness and retiring; for ornament, is in discourse; and for ability, is in the judgment and disposition of business; for expert men can execute, and perhaps judge of particulars, one by one; but the general counsels, and plots and marshaling of affairs come best from those that are learned. To spend too much time in studies in sloth; to them too much for ornament is affectation; to make judgment wholly by their rules is the humor (disposition) of a scholar. They perfect nature, and are perfected by experience; for natural abilities are like natural plants, that need pruning by study; and studies

themselves do give forth directions too practical much at large, except they be bounded in by experience. Crafty () men contemn studies, simple men admire them, and wise men use them; for they teach not their own use; but that is a wisdom without them and above them, won by observation.

Read not to contradict and confute, nor to believe and take for granted, nor to find talk and discourse, but to weigh and consider. Some books are to be tasted, others to be swallowed, and some few to be chewed and digested; that is some books are to be read only in parts; others to be read but not curiously, and some few to be read wholly, and with diligence and attention...Reading makes a full man; conference a ready man; and writing an exact man. And, therefore, if a man write little, he had need have a great memory; if he confer little, he had need have a present wit; and if he read little, he had need have much cunning, to seem to know what he does not."

TECHNOLOGY

Satu lagi perkataan yang telah dipilih oleh mereka yang terdahulu dari kita ialah **Teknologi**. Istilah teknologi dapat dijejak asalnya dari perkataan Greek *technologia*. Ia adalah satu konsep yang luas yang merujuk kepada penggunaan ilmu dan peralatan dan bagaimana ia memberi kesan kepada keupayaan untuk mengawal dan bersesuaian dengan persekitaran.

Ia juga boleh didefinisikan secara luas sebagai entiti, bahan dan bukan bahan, yang dicipta dengan aplikasi usaha mental dan fizikal demi untuk mendapatkan nilai. Maka teknologi meliputi peralatan dan mesin yang boleh diguna bagi menyelesaikan masalah dalam dunia sebenar. Namun begitu peralatan dan mesin tidak semestinya berbentuk benda. Perisian computer, *search engine*, kaedah atau model perniagaan boleh dimasukkan di dalam definisi teknologi.

Teknologi telah banyak memberi kesan kepada masyarakat dan persekitarannya dalam pelbagai cara. Dalam banyak masyarakat, teknologi telah membantu membangunkan ekonomi diikuti dengan taraf hidup ahli-ahli masyarakat berkenaan. Malah penggunaan dan penggantungan kepada teknologi jelas pada hari dapat mempengaruhi budaya; tidak kurang juga kemampuan teknologi mengubah cara hidup atau *life style* manusia. Sebagai contoh ialah perkembangan di dalam teknologi komunikasi, yang mana telah mengurangkan halangan kepada interaksi sesama manusia dan, akibatnya ialah menimbulkan kelompok budaya seperti budaya siber.

Teknologi dapat dibahagikan kepada *soft technology* dan *hard technology*. *Soft technology* merupakan teknologi yang dihasilkan dari sains social, bukan sains asli dan ilmu bukan saintifik, untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang praktikal. Antara contoh *soft technology* yang jelas ialah TQM. TQM adalah satu pendekatan pengurusan bagi sesebuah organisasi, yang mengenenagahkan kualiti berasaskan penyertaan daripada

kesemua ahli-ahlinya bertujuan untuk meraih kejayaan melalui kepuasan pelanggan dan menfaat kepada semua ahli organisasi berkenaan dan masyarakat.

Manakala *hard technology* merupakan teknologi yang mana manusia harus mematuhi hukum teknologi tersebut kerana ilmu asasnya datang dari sains asli dan beroperasi di dunia fizikal. Tujuan penggunaan *hard technology* ialah untuk merubah dan mengawal alam semula jadi.

Sabagai sebuah universiti, komitmen kita untuk menghayati konsep teknologi serta benar-benar berteknologi dalam amalan amat jelas kita paparkan bersama logo UMP. UMP dan warganya mengiktiraf yang engineering dan teknologi itu berkait rapat melalui kreativiti. Penerimaan teknologi di UMP semestinya di tahap yang tinggi. Kita berazam untuk menjadi pengguna teknologi yang bijak. Umpamanya, hasrat kita di UMP, teknologi maklumat seharusnya diguna sebagai *enabler* untuk menghapuskan aktiviti yang tidak menambah nilai.

Khususnya, pada kita teknologi maklumat bukan digunakan untuk mempercepatkan atau memudahkan aktiviti yang tidak menambah nilai.

Model penerimaan technology atau *Technology Acceptance Model* yang diketengahkan oleh Fred Davis (1993) mengajar kita yang tanggapan tentang “mudah digunakan” dan tanggapan tentang “berguna”nya sesuatu teknologi akan menimbulkan sikap yang positif terhadap teknologi tersebut. Ini seterusnya akan meningkatkan hasrat untuk mengguna teknologi berkenaan. Akhirnya hasrat untuk mengguna teknologi akan menjadi penggunaan sebenar. Dengan ilmu engineering yang mendalam para saintis dan penyelidik di UMP seharusnya terpanggil untuk menghasilkan kajian yang mampu merekacipta teknologi yang mudah digunakan. Sementara itu setiap teknologi yang diguna pakai harus satu yang amat menambah baik urusan, tugas dan kehidupan warga kita.

CREATIVITY

Kreativiti adalah keupayaan menjana pemikiran dan mereka bentuk rekaan baru, menghasilkan kerja-kerja seni lukis, menyelesaikan masalah secara kaedah baru atau membangunkan ide berasaskan pendekatan yang asli, baru dan yang bukan konvensional.

Teknologi yang tercipta berasaskan kejuruteraan perlulah dinamik dan boleh diubah suai sejajar dengan perkembangan dan kemajuan semasa. Di sinilah letaknya kepentingan kreativiti. Menurut Gilford, *"kreativiti sebagai satu komponen penting dalam semua kegiatan intelektual dan ia merupakan suatu kebolehan untuk melahirkan idea-idea atau kebolehan untuk melahirkan banyak idea berkaitan dengan penyelesaian atau penanganan sesuatu masalah."*

Kreativiti dapat dikembangkan dengan mengambilkira faktor-faktor berikut iaitu:

- i. Bentuk ciri-ciri individu;
- ii. Tingkahlaku untuk mencapai kreativiti;
- iii. Hasil yang diperolehi daripada proses; dan
- iv. Keadaan persekitaran yang sesuai untuk kegiatan kreatif.

Memupuk budaya kreatif di kalangan warga kerja dan pelajar Universiti ini merupakan suatu cabaran. Warga kerja Universiti ini yang berada dalam generasi yang lebih berusia dan dewasa perlulah lebih akomodatif terhadap daya kreativiti yang ditampilkan atau dicadangkan oleh generasi yang lebih muda, yang mungkin terdiri daripada staf atau pelajar. Kreativiti adalah kualiti utama yang memangkinkan Universiti ini untuk *"stand out from the crowd"*, *"possibling the impossibles"* dan keluar dari paradigma yang steretotaip kepada paradigma yang lebih progresif dan dinamik.

Individu yang kreatif adalah mereka yang mampu menjana pemikiran untuk mencipta barang atau perkhidmatan baru atau melaksanakan idea baru yang masih belum dicuba oleh orang lain. Individu yang kreatif juga berupaya mencabar *status quo* bagi mewujudkan paradigma baharu yang lebih baik berbanding masa lalu.

Dalam kertas kerjanya bertajuk "Membangunkan Kreativiti Usahawan dan Pembaharuan", Adnan Harun menggariskan lapan ciri-ciri individu kreatif:

- Individu kreatif mempunyai cara yang luarbiasa, pada masa yang sama tidak sombong dan bangga;
- Kebanyakan individu kreatif terlalu bersemangat dengan kerjanya,
- Individu kreatif berani untuk mencuba sesuatu yang baru;
- Individu kreatif berfikiran terbuka dan rela menerima kritikan orang lain;

- Individu kreatif mempunyai kombinasi gurausenda dan disiplin
- Individu kreatif cenderung memiliki kawalan diri yang tinggi;
- Individu kreatif terus menuju matlamat, berhati-hati dan bertimbangrassa dalam membuat sesuatu keputusan;
- Individu kreatif rela mengambil perkiraan risiko.

Hasrat untuk meyuburkan dan memupuk kreativiti di kalangan warga universiti ini, pada jangkaan saya, boleh menghadapi empat kekangan atau halangan yang perlu ditangani, iaitu:

Keupayaan individu

Faktor utama yang menghalang pemikiran kreatif ialah kepercayaan kita bahawa kita tidak kreatif. Ianya juga menjadi punca terhadapnya cara untuk kita melihat dan memproses maklumat dari orang lain. Jika kita sentiasa memberitahu diri sendiri bahawa: "saya tidak kreatif",

pada masa itu kita percaya bahawa kitalah tidak kreatif. Pada masa itu juga kita merasakan tidak perlu untuk belajar dan mengasah untuk menjadi seorang yang kreatif.

Takut kepada kritikan

Sesetengah kita takut kepada kritikan. Mereka ini takut orang akan mengatakan idea mereka adalah gila, bodoh dan tidak praktikal. Untuk mengelakkan kritikan tersebut, mereka cenderung untuk bertindak secara biasa dan mengikut rutin biasa daripada melakukan sesuatu perbezaan.

Over-Management

Persaingan ditempat kerja, pekerja dibebani dengan tugas, jadual dan desakan untuk pengeluaran segera keputusan, antara yang menghalang pekerja dari berfikiran kreatif. Ini mungkin disebabkan oleh kesibukan persekitaran kerja yang tidak menyediakan masa dan ruang untuk pekerja menjadi kreatif.

Tekanan

Tekanan berlaku apabila manusia merasakan bahawa mereka berhadapan atau menanggung desakan yang luarbiasa, sekatan atau peluang dan tidak pasti berkaitan dengan kebolehan mereka untuk mengendalikannya secara berkesan (Kinicki dan Williams, 2003). Dengan demikian, tekanan tidak hanya mengganggu pengaliran satu tenaga yang boleh menggunakan pengalaman lain secara kreatif, tetapi ianya juga tidak baik untuk kesihatan.

Suasana kampus yang *vibrant*, kondusif dan bermakna kepada warga pelajar memerlukan barisan kepimpinan pelajar yang kreatif, berwawasan dan karismatik. Daya kepimpinan para pemimpin muda ini perlu dibangunkan serta diperkasakan dari semasa ke semasa. Dengan cara ini, mereka dapat berfikir dalam kerangka dan sudut pandang yang lebih luas serta tidak terhad kepada isu dalaman kampus semata-mata. Sebaliknya, para pemimpin muda ini haruslah berupaya mengutarakan

pandangan yang membina dan cadangan konkrit mengenai isu-isu nasional dan global yang relevan untuk diwacanakan.

Kreativiti juga adalah satu proses mental dan social yang melibatkan penjanaan ide atau konsep baru. Walaupun ia sering dikaitkan dengan seni dan *literature*, ia adalah sebahagian peting kepada inovasi dan rekaan. Maka ia amat penting dalam profesyen seperti perniagaan, ekonomi, seni bina, rekabentuk industri, sains dan kejuruteraan. Leonardo Da Vinci terkenal dengan kerja-kerja kreatifnya.

Kreativiti sering dikaitkan dengan aktiviti di otak sebelah kanan dan di dahi terutamanya dengan pemikiran lateral. Ada pihak yang menyarankan bahawa untuk membangunkan teori saintifik, seseorang perlu menjana sebanyak mungkin idea, dan kemudian menggugurkan mana-mana yang tidak berguna. Kreativiti juga dianggap sebagai satu proses yang memecahkan andaian. Idea-idea yang kreatif sering dijana apabila andaiaan yang dibuat awal digugurkan dan berusaha

untuk menggunakan pendekatan baru yang sebelum ini belum pernah difikirkan oleh sesiapa.

Kreativiti adalah lebih dari sekadar mengubah suai atau mereka cipta. Ianya juga lebih dari sekadar membuat jalan pintas atau *short cut* dengan mengadakan pelbagai polisi atau peraturan yang memudahkan suatu pihak, tapi menyusahkan pihak yang lain. Justeru, warga UMP berupaya menyuburkan kreativiti melalui:

- Mencubanya - jangan katakan tidak boleh/ sukar dilakukan;
- Cekal (persistent) - jangan mengalah terlalu awal;
- Ruang *flexibility* yang cukup. Cuba lakukan dengan pelbagai cara dan jalan yang berbeza dengan memberi masa dan peluang yang sama untuk tiap-tiap satu cara/jalan;
- Rendah diri. Mulakan dari peringkat asas;
- Terima cabaran. Jangan sekat sesuatu tindakan selanjutnya

- Punyai ciri-ciri positif. Jangan padamkan/ lunturkan sesuatu idea yang baru hendak muncul;
- Kemunculan sesuatu idea bukan secara sistematik tetapi secara *flash of inspiration*, sebab itu tuliskan/rekodkan;
- Berfikir secara “free gear”;
- Cuba hubungkaitkan atau campurkan antara idea tersebut supaya lebih banyak idea boleh dihasilkan;
- Dapatkan idea dari orang ramai, secara individu dan kumpulan (Brainstorming);
- Gali dan cari idea secara lateral; bukan menumpukan kepada satu *spot*;
- Cuba kaedah “opposite thinking”;
- Lihat/fikir dari beberapa sudut; perkara yang pada mula sukar mungkin menjadi boleh;
- Jangan terperangkap dengan perkara berikut:
 - mind-set - ikut tradisi
 - blind-spot - ikut keputusan lama
 - ikut majoriti - either-or

MEMAKNAKAN SLOGAN MELALUI AMALAN

Komitmen melalui tiga perkataan tersebut semestinya diterjemahkan melalui amalan-amalan tertentu. Dalam hal ini pendirian dan amalan pentadbiran UMP pada hari ini merangkumi perkara-perkara berikut:

1. UMP akan terus memperkasakan bidang engineering sebagai *core business*nya. Ini bermakna, kita tidak akan keliru dari segi identiti kita, sama ada UMP adalah sebuah universiti yang menawarkan *Engineering Technology* atau *Engineering* yang tulen. Tenaga pendidik dan warga UMP yang lain harus memahami perbezaan ini. Kita akan maju ke hadapan dengan program *engineering* baru yang dianggap bukan konvensional. Melalui perkongsian pintar berikutan daripada menandatangani MOU kita akan cuba bangunkan program-program tersebut yang bersifat futuristik, sesuai dengan yang disyorkan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi di dalam perutusan beliau baru-baru ini.

InsyaAllah, Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa akan memastikan agenda ini akan dilakukan melalui pakatan dengan *strategic partners* kita di peringkat antara bangsa seperti Institutes of Technology, Ireland, Northern Consortium of United Kingdom dan university-universiti di Mesir dan China.

2. Penyelidikan bagi setiap bidang *engineering* harus dipergiatkan, tidak ketinggalan juga bidang-bidang teknikal yang lain dan yang menyokong bidang *engineering*. Yang lebih penting dan membawa keberkesanan lagi ialah, saya mahu melihat hasil penyelidikan dan ilmu yang dijana harus sampai ke bilik-bilik kuliah. Untuk menentukan kualiti penyelidikan di UMP berdaya maju, pihak universiti telah meningkatkan amaun geran penyelidikan jangka pendek daripada RM20,000.00 kepada RM40,000.00. Sementara itu, bantuan pembentangan kertas penyelidikan baru-baru ini telah diformalisasikan. Satu tabung bagi pembiayaan dan

bantuan persidangan telah dimulakan untuk menentukan kewujudan prosedur dan kriteria yang jelas dan telus.

3. Memperkasa penggunaan teknologi. Kita akan menentukan bahawa *e-community* adalah ruang yang penting untuk mempromosi rangkaian sesama kita dan *to stay in in touch with things on campus*. Penambahbaikan akan terus berlaku dan dipertanggungjawabkan kepada PTMK. Laman web UMP, sebagai *gateway* universiti dengan dunia luar, sedang dan akan dipertingkatkan keberkesanannya secara berterusan. *Completeness, comprehensiveness, attractiveness* dan *user friendliness* diberi keutamaan. Setiap PTJ harus memberi kerjasama dan komitmen yang paling tinggi di dalam hal ini.

4. Untuk menentukan yang seluruh kampus dan setiap warga UMP terlibat secara langsung di dalam penggunaan teknologi, saya mahu satu *soft technology* yang khusus diperkenalkan dan seterusnya diamalkan.

Soft technology yang saya maksudkan di sini ialah Amalan 5S. Baru-baru ini, 4 PTJ telah yang berjaya mendapatkan pensijilan 5S – Pejabat Bendahari, Makmal Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Pusat Pembangunan Staf Akademik (ASDC) dan sebahagian Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta. Dengan kejayaan mereka itu saya tidak nampak kenapa seluruh kampus UMP tidak mampu mengamalkan 5S. Saya mahu PPKPK menjadi seketariat kepada satu jawatankuasa memandu penggunaan pakai 5S. Walau bagaimanapun, ingin saya tekankan di sini, saya bukan sekadar mengejar sijil, saya mahu 5S menjadi budaya UMP mulai tahun ini sehingga selama-lamanya.

5. Melalui teknologi kita akan meningkatkan, sistem penyampaian dan perkhidmatan. Jabatan Bendahari, umpamanya, akan menggunakan teknologi maklumat untuk memantau kesempurnaan pelbagai proses yang telah disentralisasi.

6. Kreativiti warga kampus – staf dan pelajar - akan terus diberi galakan, malah akan dipupuk. Bagi permulaan, kekangan kepada pelajar untuk bersuara perlu dikurangkan. Penglibatan pelajar akan digalakkan sebanyak mungkin dalam menentukan kesejahteraan kehidupan kampus. Aktiviti kebudayaan pelajar yang siuman tidak akan dikongkong.

7. Dalam konteks kreativiti juga, tumpuan intensif kini diberikan kepada pemerksaan kepimpinan pelajar yang mewakili MPP serta kelab dan persatuan lain. Saya berpendekatan yang inisiatif pembangunan dan pemerksaan kepimpinan pelajar di UMP dimulakan di peringkat MPP terlebih dahulu. Pihak Pengurusan UMP akan membuka ruang yang lebih luas supaya MPP dapat berperanan dengan lebih berkesan bukan sahaja sebagai medium antara pelajar dengan pentadbiran, tetapi juga sebagai *partner* pihak pengurusan dalam agenda perubahan. Oleh itu, saya mahu supaya suatu pelan

pembangunan dan kecemerlangan kepimpinan pelajar UMP dirangka dengan strategik oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) supaya potensi para pemimpin muda ini dapat diasah, digilap dan diperkasakan bagi menambah nilai mereka sebagai bakal pemimpin negara dan dunia masa depan.

Pejabat Naib Canselor telah memulakan inisiatif dengan mengadakan siri wacana dan dialog dengan para pemimpin pelajar Universiti ini dan Insya-Allah, pada bulan Mac yang akan datang, Program Pemukiman Naib Canselor Bersama Pemimpin Pelajar akan dijalankan sebagai sepak mula atau *kick-off* kepada perencanaan Pelan Pembangunan & Kecemerlangan Kepimpinan Pelajar Universiti Malaysia Pahang.

Sementara itu ruang-ruang untuk para pemimpin muda dan pelajar-pelajar lain berkreativiti hendaklah dibuka dengan lebih luas. Kepercayaan yang diberikan kepada mereka, dengan bimbingan (bukan kongkongan)

berterusan akan dapat melahirkan pelajar-pelajar yang matang, mencintai Universiti ini dan menghargai *campus experience* mereka di UMP serta kembali berbakti sebagai alumni yang berbudi.

Pengwujudan *campus experience* yang bermakna inilah yang menjadi salah satu resipi kejayaan Indian Institute of Technology atau IIT menjadi salah sebuah institusi pengajian tinggi terbaik dunia. Interaksi langsung saya dengan barisan kepimpinan IIT Bombay di India baru-baru ini berjaya menyingkap peranan signifikan yang dimainkan oleh para alumni IIT bagi mengukuhkan jaringan antarabangsa serta kualiti tenaga akademik institusi tersebut.

8. Kreativiti tenaga pengajar dan penyelidik juga semestinya mendapat galakan. Bahagian Penyelidikan dan Inovasi telah diberi tanggungjawab untuk mempromosi usaha

kajian untuk pembangunan prototaip produk. Mulai tahun 2009, peruntukan telah dibuat untuk memberi sokongan yang sebaik-baiknya kepada rekacipta staf, termasuk perbelanjaan pameran dan bantuan pengkomersialan. Inisiatif untuk menyediakan satu model pembangunan dan pengkomersilan telah dimulakan melalui lawatan menanda aras oleh para pemimpin UMP. Pembinaan inkubator UMP buat masa ini adalah di dalam *pipeline*.

9. Latihan untuk peningkatan kopetensi dan kreativiti staf – akademik, pengurusan & professional, dan sokongan – mulai tahun ini diperluaskan dan lebih tersasar kepada bidang dan tugas. Setiap PTJ telah diberi peruntukan sendiri khusus untuk digunakan melatih staf mereka. Kaedah ini adalah *over and above* latihan-latihan umum yang dikendalikan oleh Jabatan Pendaftar.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan,

UMP ketika ini berhadapan dengan keadaan yang mencabar. Di kalangan IPTA kita hampir yang terkebawah. Keputusan setara tahun lalu masih mengejutkan kita, kecuali kepada mereka yang masih lena. Struktur kita masih tidak langsing, tetapi tinggi. Kerap kita lebih memberi perhatian kepada perkara yang remeh. Kadang-kadang usaha lebih menitik beratkan protocol dan kedudukan. Terdapat petanda yang ada di kalangan pegawai di lapisan tertentu yang kurang *berhands-on* sedangkan kita berbangga dengan pendekatan kita untuk pelajar kononnya adalah *berhandson*. Masa nampaknya tidak begitu penting seolah-olah kita tidak pernah mendengar ungkapan *Time is of the Essence*. Majlis-majlis pelancaran, perasmian, perjumpaan di Kuala Lumpur atau di mana sahaja menjadi keutamaan. Peraturan yang dikenakan kepada pelajar tertumpu kepada perkara remeh temeh berasaskan andaian

dan buruk sangka. Kita lebih cenderung kepada perkara yang mudah seperti membuat peraturan ketat kepada pelajar sedangkan kurang selesa dengan perkara yang mencabar untuk meningkatkan kebajikan pelajar dan staf. Anehnya, peraturan universiti tidak begitu diambil berat malah sering dilanggar oleh staf kita. Aktiviti dalaman, seperti penerbitan dan rujukan kepada nilai-nilai utama atau *core values* seolah-olah kita keseronokan sendiri, dengan tiada impak kepada dunia luar.

Berlatar belakang keadaan seperti ini, *perkataan engineering, tehnology* dan *creativity* yang kita paparkan perlu diberi nafas dan dihidupkan. Kejuruteraan menghasilkan rekaan. UMP memerlukan rekaan semula atau *reinvent itself*, berteknologi dan berinovasi. Adakah UMP masih dibayangi UTM, atau sememangnya masih KUKTEM. Nama UMP jelas telah memberikan kulit baharu kepada universiti ini. Tetapi isinya, dalamannya masih jauh lagi dengan universiti terkemuka dari segi banyak aspek. *Reengineering process* UMP amat

mendesak. Namun kaedah *reengineering* yang kita lakukan boleh mengikut acuan dan kaedah kita sendiri dengan penuh kreativiti kita. Apa yang telah kita mulakan melalui transformasi pengurusan dan pentadbiran adalah *reengineering* kaedah kita dan cara kita.

Hampir satu jam yang lalu, saya telah cuba untuk berkongsi kefahaman saya kepada tiga perkataan di logo kita. Sebagai sebuah universiti, UMP semestinya menjadi antara ejen perubahan yang terdahulu. Untuk itu saya telah cuba memahami dan seterusnya memaknakan *Engineering, Technology dan Creativity. I have tried my best, however, if my best is not good enough please feel free to engage with me and other colleagues in further discussion on how together can make those three big words more meaningful. When I say meaningful, I mean how do we manifest them in the course of steering our university.*

Sebelum saya mengakhiri keputusan saya hari ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai pejabat Naib Canselor yang telah bersusah payah menguruskan perhimpunan ini. Penghargaan saya juga ditujukan kepada semua pihak yang telah membantu, seperti JPPH dan Pusat Sukan kerana menyediakan tempat ini.

Semoga tahun 2009, yang diramalkan satu yang amat mencabar dari segi kesejahteraan ekonomi, dapat sama-sama kita harungi dengan tabah dan keazaman yang kuat. Dengan ini saya sekali mengucapkan berbilang terima kasih atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan.

Sekian, wassalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.